

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 1 (A178)

Apakah status terkini tentang usaha kerajaan untuk memperkenalkan skim biasiswa untuk rakyat Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Biasiswa merupakan anugerah daripada kerajaan kepada murid – murid yang mendapat keputusan cemerlang dan memenuhi kriteria. Pada masa ini telah terdapat Biasiswa Persekutuan yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Manakala khusus untuk murid – murid di negeri Johor iaitu beberapa biasiswa telah diperkenalkan yang diuruskan oleh Yayasan Pelajaran Johor. Selain dari pemberian pinjaman pelajaran. YPJ juga ada menawarkan Skim Biasiswa kepada anak-anak Johor yang cemerlang di peringkat sekolah menengah, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah.

Berikut merupakan jenis biasiswa yang ditawarkan oleh YPJ iaitu:

- i. Biasiswa diperingkat sekolah menengah, **Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO)** dengan pemberian kadar RM 600 setahun bagi pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 6
- ii. Biasiswa diperingkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda iaitu **Biasiswa Sukan Atlet Johor (BSAJ)** yang menaja atlet-atlet negeri Johor yang melanjutkan pengajian di IPT dalam malaysia dengan kadar bantuan yuran penuh dan juga meliputi kos sara hidup iaitu RM 500 sebulan.
- iii. Biasiswa diperingkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah iaitu **Biasiswa Sultan Ibrahim (BSI)** yang menaja pelajar cemerlang negeri Johor yang melanjutkan pengajian di IPT dalam malaysia dengan kadar bantuan yuran penuh dan juga meliputi kos sara hidup iaitu RM 1,000 hingga RM 1,500 sebulan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 2 (A170)**

Apakah rancangan kerajaan dalam menambahbaik pengurusan sisa pepejal di negeri Johor dengan memanfaatkan teknologi terkini?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Kerajaan Persekutuan sememangnya mempunyai perancangan dalam menaiktaraf pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Secara khususnya, bagi Negeri Johor, dua (2) tapak pelupusan akan dinaiktaraf dari tapak pelupusan sanitari kepada *Integrated Facility* (Fasiliti Bersepadu) dimana akan merangkumi teknologi terkini seperti *Waste to Wealth* (WTE), Pyrolysis, dan Anaerobic Digester (AD). Teknologi ini akan dilaksanakan di Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payong, Tapak Sanitari Seelong dan Tapak Pelupusan Tanjung Langsung.

Kerajaan Negeri ke arah satu sistem pengurusan sisa pepejal yg efektif melalui konsep *Waste to Wealth*. Konsep ini menjurus ke arah sistem pengurusan lestari dimana sampah tersebut diproses melalui teknologi moden yang kemudiannya akan menghasilkan tenaga. Tenaga ini kemudiannya boleh dijual dan digunakan untuk menjana industri atau sesuatu kawasan kawasan penempatan.

Konsep *Waste to Wealth* adalah sistem pengurusan sisa yang mampan yang boleh menjana endapatan bagi mengurangkan tanggungan kerajaan terhadap kos pengurusan sisa pepejal. Ia secara tidak langsung dapat menyelesaikan beberapa isu2 ritikal di tapak pelupusan sedia ada seperti pencemaran alam sekitar, rungutan awam dan kesihatan masyarakat amnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 3 (A99)

Minta dinyatakan langkah dan sasaran Kerajaan Negeri bagi memastikan Pelan Induk Pembangunan Kontraktor Johor boleh dijayakan dan apakah bentuk sasaran yang telah dikenal pasti.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Untuk makluman YB, antara langkah dan sasaran bagi memastikan Pelan Induk Pembangunan Kontraktor Johor yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah dengan adanya penubuhan Johor Centre for Construction Development atau JCCD sebagai pemudah cara antara agensi tempatan dan para kontraktor Johor di dalam industri pembinaan. Melalui JCCD, segala program dan perancangan penambahbaikan di dalam industri binaan dapat dijalankan dengan lebih terperinci.

Malah, Kerajaan Negeri mensasarkan bahawa dengan ciri terbaru di dalam laman sesawang JCCD seperti sewaan jentera di setiap daerah, akan mengurangkan kos kepada para kontraktor dan membuka peluang kepada pembekal jentera di Johor.

Pelan Pembangunan Kontraktor Negeri Johor juga adalah bertujuan untuk meninjau dan memahami keadaan industri pembinaan dan isu-isu berkaitan dengan kontraktor yang berkecimpung di dalamnya dan seterusnya mengemukakan cadangan ke arah pembangunan kontraktor di Negeri Johor.

Selain itu, antara langkah awal yang telah dikenal pasti adalah memastikan agar GLC induk kerajaan negeri dapat memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% hingga 20% kerja-kerja pembangunan infrastruktur kepada kontraktor-kontraktor tempatan melalui saringan yang akan dibuat oleh pihak JCCD.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 4 (A124)

Dengan peningkatan pembangunan perumahan dan industri di Pengerang, adakah bekalan air mencukupi untuk menampung penambahan keperluan air yang dijangkakan?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Berdasarkan keperluan air daripada maklumat permohonan Kebenaran Merancang oleh pemaju kepada pihak Berkuasa Tempatan dan Konsep Keseluruhan Pembangunan Baru oleh pihak Pemaju kepada SAJ Ranhill, sememangnya terdapat peningkatan keperluan air di kawasan Penggerang. Pembangunan baru di kawasan Pengerang juga termasuk perumahan baru, kilang dan projek pembangunan Taman Tema. Pihak pemaju telah mengemukakan keperluan air untuk jangkamasa terdekat sehingga tempoh lima tahun lebih kurang 30 MLD.

Oleh itu, kerja menaiktaraf Loji Rawatan Air Sg Lebam telah dicadangkan yang mana ianya dilaksanakan melalui dua (2) Fasa. Fasa Pertama daripada kapasiti 40 MLD kepada 54 MLD telah disiapkan pada tahun 2017 dan Fasa ke dua iaitu daripada 54 MLD kepada 81 MLD masih dalam peringkat perlaksanaan dan dijangka siap pada November 2018.

Dengan penyiapan kerja-kerja menaiktaraf Loji Rawatan Air Sg Lebam ini, ianya akan dapat menampung permintaan air untuk domestik dan industri di kawasan Penggerang dan sekitarnya. Pada masa ini keperluan bekalan air daripada Loji Rawatan Air Sg Lebam adalah sekitar 46 MLD.

Keperluan pembinaan infrastruktur bekalan air baru akan sentiasa di kaji bergantung kepada unjuran permintaan air dan akan dicadangkan di dalam Pelan Perniagaan SAJ yang akan dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk kelulusan dan seterusnya perlaksanaan oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 5 (A113)**

Seperti yang kita semua tahu, kawasan Senai di lengkapi dengan kemudahan seperti lapangan terbang, stesen keretapi, RTC dan pusat membeli belah Johor Premium Outlet (JPO). Apa yang saya sedih adalah, pelancong yang datang ke Senai tidak mempunyai tempat menarik untuk berkunjung. Adakah kerajaan Johor bercadang untuk menaikkan nama Senai sebagai Hub Kesenian dan Kebudayaan bagi mempromosikan sektor pelancongan?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Berdasarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023, kawasan Kulai – Senai – Skudai telah diletakkan di bawah kluster destinasi pelancongan membeli-belah atau Leisure Shopping dengan menjadikan Johor Premium Outlet (JPO) sebagai tarikan pelancongan utama di kawasan berkenaan.

Untuk makluman, salah satu cadangan yang dikenalpasti di dalam pelan induk tersebut adalah untuk mewujudkan '*Johor Creative Art & Performance Centre*' yang berkonsepkan studio, galeri dan teater bagi mempersembahkan demonstrasi, latihan dan juga bersembahan kebudayaan.

Ini akan menjadikan tempat ini sebagai *one-stop centre* atau pusat sehenti kepada para pelancong dan pelawat dalam memperkenalkan budaya negeri Johor kepada masyarakat luar.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat cadangan dan memerlukan penelitian rapi khususnya di dalam mengenal pasti tapak cadangan dan pelabur atau pemaju yang berpotensi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 6 (A67)**

Mohon nyatakan perancangan Kerajaan dan status perancangannya untuk menjadikan Daerah Segamat untuk menjadi sebagai hub Pertanian dan pengeluaran Hasil Asas Tani serta apakah jenis aktiviti pertanian yang diutamakan.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Segamat merupakan daerah yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai Hub Pertanian Dan Pengeluaran Hasil Asas Tani. Daerah yang mempunyai keluasan 285,136 hektar dengan populasi 213,000 orang penduduk. Segamat merupakan daerah terbesar bagi keluasan penuaian hasil tanaman bagi jenis tanaman utama antaranya durian, limau bali, betik, nangka, pisang dan rambutan iaitu seluas 6,522 hektar. Bagi sektor pertanian, aktiviti utama telah didominasi oleh aktiviti tanaman, eko dan agro pelancongan, dan industri kecil dan sederhana. Produk utama bagi Daerah Segamat adalah durian, betik, limau bali, kelapa, penternakan dan juga perikanan. Segamat mensasarkan dan memfokuskan 3 bidang utama iaitu pertanian moden, tarikan ikonik dan eko dan agro pelancongan.

Dari segi kekuatan, Daerah Segamat mempunyai sumber pertanian yang banyak, kesuburan tanah, mempunyai komuniti berasaskan pertanian yang kuat dan komuniti pertanian yang bersedia untuk berkembang dan memajukan sektor ini. Segamat juga mempunyai keunikan produk seperti Durian Segamat dan Ikan Baung.

Satu kajian berkaitan Pelan Pembangunan Hub Pertanian Dan Industri Asas Tani telah dilakukan bagi memacu sektor pertanian dan industri asas tani di daerah ini secara lebih komprehensif dalam jangka masa pendek dan panjang. Di peringkat pentadbiran daerah, Pejabat Daerah Segamat telah memulakan inisiatif ini seperti mewujudkan kemudahan-kemudahan bagi menyokong dan merancakkan aktiviti sektor pertanian dan industri asas tani.

Selain itu, usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan Wilayah Pembangunan Koridor Johor Utara yang melibatkan tiga daerah di utara Johor iaitu Segamat, Tangkak dan Muar ini selari dengan hasrat menjadikan Segamat sebagai Hab Pertanian dan Industri Asas Tani. Hal ini kerana wilayah ini memfokuskan sektor pendidikan, perabot, pertanian moden, industri asas tani dan eko dan agro pelancongan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 7 (A162)**

Adakah kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan VEP di Tambak Johor dan lebuhraya Linkedua. Apakah masalah dihadapi dalam pelaksanaan VEP dan memohon pencerahan serta pendirian kerajaan dalam pelaksanaan dasar ini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Untuk makluman YB Pekan Nenas, buat masa ini, pelaksanaan *Vehicle Entry Permit* (VEP) adalah dalam peringkat *Provisional Acceptance Test* (PAT) dan akan melalui fasa *Final Acceptance Test* (FAT) sebelum ia dilaksanakan secara *Go Live* apabila kerajaan berpuashati dengan sistem yang dibangunkan.

Memandangkan VEP masih belum dilaksanakan secara rasmi, maka pada masa ini tiada sebarang masalah pengoperasian VEP yang telah dikenalpasti dan masih terlalu awal untuk kerajaan mengkaji semula pelaksanaan sistem tersebut.

Dalam hal ini, Kerajaan masih kekal untuk meneruskan pelaksanaan VEP kerana sistem ini akan dapat membantu memantapkan keselamatan negara dari segi pengurangan masalah kemasukan kenderaan haram, membasmi penyeludupan kenderaan klon serta dapat memastikan semua kenderaan asing mematuhi kesemua peraturan-peraturan jalan raya negara ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 8 (A110)**

Kawasan Senai seringkali berlaku gangguan bekalan air. Apabila berlaku pencemaran di loji rawatan air, tidak kurang daripada 3 jam kawasan Seelong menghadapi gangguan bekalan air yang kritikal. Saya difahamkan kawasan Senai mempunyai beberapa tangki air, bolehkan senaraikan jumlah semua tangki air di kawasan Senai dan berapakah jumlah tangki air yang berfungsi?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Kawasan Senai menerima bekalan air dari loji rawatan air Semangar melalui tangkiimbangan Bukit 75 seterusnya disalurkan ke tangki-tangki perkhidmatan yang terdapat di kawasan Senai iaitu sebanyak 20 buah tangki. Ke semua tangki tersebut berfungsi dengan baik.

Kawasan Seelong merupakan kawasan berbukit-bukit dan menerima bekalan secara terus dari tangkiimbangan Bukit 75 kerana tangki-tangki perkhidmatan sediaada yang lain tidak sesuai untuk menyalurkan air ke kawasan tersebut. Berkaitan gangguan bekalan air yang berlaku di luar kawalan pihak SAJ Ranhill yang berpunca daripada pencemaran; dimaklumkan sepanjang tahun 2017 dan 2018, terdapat tiga insiden pencemaran air mentah di Sg Johor iaitu pencemaran Ammonia berlaku pada 22 Ogos 2017 dan 27 Oktober 2017, kejadian kekeruhan air mentah tinggi sehingga mencecah tahap 1564 ntu pada 6 April 2018 serta insiden tumpahan minyak yang berlaku pada 10 Mei 2018. Selain itu, pihak loji juga menghadapi insiden masalah bekalan TNB terputus pada 4 September 2017 dan 29 April 2018.

Untuk jangka masa panjang, SAJ juga telah ada perancangan membina sebuah tangki perkhidmatan meninggi (elevated tank) berkapasiti 4.5 Juta Liter Sehari di sekitar Kg Maju Jaya bagi mengatasi masalah yang berlaku dan sehingga kini di peringkat rekabentuk oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Untuk makluman, tangki ini dijangka siap pada awal tahun 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 9 (A101)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kehadiran pelancong ke negeri kita?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa negeri Johor sememangnya mempunyai banyak tarikan pelancongan yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain itu, kedudukan negeri Johor yang strategik iaitu di selatan semenanjung Malaysia telah menjadikan negeri ini sebagai salah satu pintu masuk utama pelancong antarabangsa ke Malaysia.

Menyedari perkara ini maka kerajaan negeri dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan khususnya yang berkaitan dengan pelancongan sentiasa mempertingkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri di dalam menarik dan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Johor adalah sepertimana berikut :-

1. Memperhebatkan program promosi dan pemasaran dengan menyertai pameran pelancongan atau *sales mission* di dalam dan di luar negara.
2. Memperbanyakkan penganjuran Program Lawatan Pengenalan Produk Pelancongan Johor atau *familiarisation trip* kepada penggerak-penggerak industri pelancongan, media massa dan penulis pengembaraan atau *travel writers* dari dalam dan luar negara. Setakat ini sebanyak 17 program telah dilaksanakan yang turut melibatkan peserta dari luar negara iaitu Indonesia, India, Singapura dan Korea Selatan.
3. Memperkasakan pemasaran secara atas talian atau *online marketing* dengan mewujudkan portal pelancongan Johor dan media sosial seperti facebook, instagram serta twitter. Untuk makluman, kerajaan negeri juga di dalam rangka mewujudkan aplikasi telefon pintar pelancongan Johor atau *Tourism Johor mobile apps*.
4. Menggalakkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan nasional di negeri Johor dimana pada tahun ini kerajaan negeri bercadang menganjurkan 3 acara pelancongan baru iaitu Lady Bikers Tourism Ride 2018, Bangsa Johor Food and Art Festival 2018 dan Bangsa Johor Run 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

5. Memperluaskan penyebaran maklumat-maklumat pelancongan negeri Johor melalui penerbitan risalah pelancongan, kempen-kempen pengiklanan di majalah-majalah dan akhbar-akhbar utama di dalam serta diluar negara.
6. Mempelbagai produk pelancongan negeri Johor dengan menggalakkan kewujudan produk-produk pelancongan baru yang berimpak tinggi. Pada masa yang sama juga produk-produk pelancongan yang sedia ada akan terus dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa khususnya dari aspek infrastruktur serta kemudahan sokongan.
7. Memperbanyakkan pembangunan pakej pelancongan negeri Johor dimana pada tahun ini kerajaan negeri melalui Tourism Johor dengan kerjasama MATTA Johor dan Persatuan Pelancongan Muar akan menyediakan 100 pakej pelancongan baru untuk dipasarkan.
8. Menarik lebih banyak syarikat penerbangan domestik dan antarabangsa untuk beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Untuk makluman, ketika ini terdapat 11 laluan penerbangan domestik dan 6 laluan penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai iaitu dari Surabaya (Indonesia), Jakarta (Indonesia), Ho Chi Minh (Vietnam), Bangkok (Thailand), Guangzhou (China) dan Incheon (Korea Selatan).
9. Meningkatkan pembangunan modal insan di dalam industri dengan menganjurkan kursus atau latihan bukan sahaja kepada penggiat-penggiat industri pelancongan tetapi juga kepada rakyat negeri Johor secara amnya. Ini bertujuan bagi membantu meningkatkan kesedaran dan mutu perkhidmatan serta mewujudkan budaya mesra pelancong atau *tourist friendly* dikalangan rakyat negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 10 (A28)

Nyatakan keberkesanan kokurikulum di sekolah dalam membantu memupuk perpaduan kaum di sekolah.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Aktiviti kokurikulum adalah medium yang paling ampuh untuk memupuk perpaduan, kerana itu dalam pendidikan kokurikulum iannya menekankan *tagline*, PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM.

Dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum juga dimasukkan **syarat penyertaan** adalah penglibatan pelbagai kaum, samada dalam aktiviti Pasukan Beruniform, Kelab Persatuan dan aktiviti Kesenian dan Kebudayaan.

Melalui pemerhatian dan pengalaman, keberkesanan aktiviti kokurikulum telah terbukti melalui dapat menyemai pepaduan kaum melalui kebersamaan murid pelbagai kaum melaksanakan aktiviti kokurikulum dan sukan secara bersama-sama. Ianya jelas telah berjaya mendidik mereka untuk saling memahami, boleh bekerjasama dalam satu kumpulan serta saling bantu membantu dalam menyelesaikan sesuatu tugas juga permasalahan yang diberi. Murid dari latarbelakang dan kaum berbeza juga dilihat menunjukkan kejelekitan yang tinggi kesan dari kekerapan melakukan aktiviti kokurikulum secara bersama-sama. Mereka juga dilihat mempamerkan nilai-nilai positif seperti hormat menghormati serta saling membantu antara satu sama lain. Mereka juga boleh menerima perbezaan berdasarkan anutan agama dan keturunan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 11 (A193)

Senaraikan butir-butir (nama projek, tempat, kontraktor, tarikh mula dan siap dan nilai kontrak) kesemua projek berkenaan dengan pengurusan banjir di Daerah Kluang yang sedang berjalan dan dirancang dari tahun 2018-2020.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

BIL	NAMA PROJEK	MAKLUMAT PROJEK		STATUS PROJEK
1.	PROJEK MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN TAMAN MURNI/ TAMAN MELODI KAWASAN: DUN MENGKIBOL	TARIKH MULA TARIKH SIAP KONTRAKTOR HARGA	: 29.11.2017 : 28.11.2018 : SM PERUSAHAAN JAYA SDN BHD : RM 3,445,000.00	DALAM PELAKSANAAN KEMAJUAN: 60%
2.	PROJEK MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN KG TENGAH KAWASAN: DUN MAHKOTA	TARIKH MULA TARIKH SIAP KONTRAKTOR HARGA	: 04.03.2018 : 03.09.2018 : GHAF ENTERPRISE : RM 820,448.48	DALAM PELAKSANAAN KEMAJUAN: 60%
3.	PROJEK MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN KG PAYA BARU KAWASAN: DUN MAHKOTA	TARIKH MULA TARIKH SIAP KONTRAKTOR HARGA	: 02.04.2018 : 01.10.2018 : DELL CONSTRUCTION & ENTERPRISE : RM 703,049.24	DALAM PERLAKSANAAN KEMAJUAN: 30%
4.	PENGGALIAN SUNGAI SEMBERONG BESAR, KLUANG	KAWASAN: DUN MAHKOTA, MENGKIBOL, KAHANG, PALOH		CADANGAN PROJEK TAHUN 2019/2020
5.	PENGGALIAN SUNGAI SEMBERONG KECIL, KLUANG	KAWASAN: DUN MAHKOTA, MENGKIBOL		CADANGAN PROJEK TAHUN 2019
6.	KERJA MENAIKRATAF SISTEM SALIRAN KG MELAYU, FASA 1, KLUANG	KAWASAN: DUN MAHKOTA		CADANGAN PROJEK TAHUN 2019/2020
7.	PENGGALIAN SG BENUT, SIMPANG RENGAM, KLUANG	KAWASAN: DUN MACHAP		CADANGAN PROJEK TAHUN 2019

Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi projek-projek yang dirancang akan bergantung kepada kelulusan peruntukan yang dipohon.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 12 (A95)

Minta dinyatakan asas dan hujah Kerajaan Negeri untuk meminta atau mendesak Kerajaan Pusat menyemak semula kadar harga air mentah yang dibekalkan kepada Singapura.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Perjanjian Bekalan Air Johor – Singapura 1961 dan 1962, telah menetapkan harga jualan air mentah ke Singapura adalah pada kadar 3 sen bagi setiap 1,000 gelen. Walau bagaimanapun kadar jualan air mentah ini boleh dikaji semula selepas tempoh 25 tahun perjanjian.

Kerajaan Negeri pada tahun 2001 berpandangan bahawa harga jualan air mentah yang munasabah perlu dicaj kepada Singapura adalah pada kadar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen, bermula daripada tahun 1986 dan 1987.

Selanjutnya pada 30 Julai 2003, Kerajaan Malaysia bercadang merujuk isu harga air mentah ini kepada penimbangtara antarabangsa (Arbitrator). Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada sebarang tindakan lanjut diambil berkaitan isu harga air mentah ke Singapura.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri pada Februari 2014 telah mengemukakan secara bertulis kepada Kementerian Luar Negara (Wisma Putra) supaya kadar harga air mentah ke Singapura dikaji semula dengan lebih serius berdasarkan justifikasi berikut:

- (i) Dengan siapnya Projek Skim Bekalan Air Semangar bagi tujuan "Zero Dependency" kepada Singapura, maka Kerajaan Johor tidak lagi bergantung bekalan air terawat daripada PUB. Situasi keperluan bekalan air terawat daripada PUB hanyalah berdasarkan keperluan sahaja (viable option). Pada masa ini, Kerajaan Johor hanya membeli ± 14 MGD air terawat iaitu 2% daripada jumlah kapasiti maksima air mentah daripada Singapura.
- (ii) Kenaikan kadar harga jualan air mentah ini amat perlu bagi membantu Kerajaan Negeri dalam mengimbangkan kadar kenaikan tarif air di Negeri Johor, yang mana ketika ini tarif air di Negeri Johor adalah merupakan yang tertinggi di Malaysia.
- (iii) Menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Negeri.

Harga jualan air mentah ke Singapura yang akan dicadangkan kepada Wisma Putra adalah pada kadar sekurang-kurangnya RM0.60/1,000 gelen dan dikaji semula setiap 5 tahun atau pada kadar yang disyorkan hasil rumusan daripada bengkel audit nilai yang akan diadakan kelak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 13 (A30)**

Apakah status terkini hasrat kerajaan untuk berunding semula Perjanjian Air 1962 dengan kerajaan Singapura?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Pendirian Kerajaan Negeri berhubung kajian semula kadar harga jualan air mentah kepada Singapura dengan lebih serius telah dikemukakan secara bertulis kepada Kementerian Luar Negara (Wisma Putra). Oleh yang demikian, perundingan berhubung harga jualan air mentah yang baru kepada Singapura hendaklah diteruskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HJ. YUSOF (KUKUP)
SOALAN 14 (A16)**

Sejauh manakah Kerajaan Negeri bertindak memasarkan negeri Johor di dunia, untuk menarik lebih ramai pelancong dan pelabur datang ke Negeri Johor?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa negeri Johor sememangnya mempunyai banyak tarikan pelancongan yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain itu, kedudukan negeri Johor yang strategik iaitu di selatan semenanjung Malaysia telah menjadikan negeri ini sebagai salah satu pintu masuk utama pelancong antarabangsa ke Malaysia.

Menyedari perkara ini maka kerajaan negeri dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan khususnya yang berkaitan dengan pelancongan sentiasa mempertingkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri di dalam menarik dan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Johor adalah sepertimana berikut :-

1. Memperhebatkan program promosi dan pemasaran dengan menyertai pameran pelancongan atau *sales mission* di dalam dan di luar negara.
2. Memperbanyakkan penganjuran Program Lawatan Pengenalan Produk Pelancongan Johor atau *familiarisation trip* kepada penggerak-penggerak industri pelancongan, media massa dan penulis pengembaraan atau *travel writers* dari dalam dan luar negara. Setakat ini sebanyak 17 program telah dilaksanakan yang turut melibatkan peserta dari luar negara iaitu Indonesia, India, Singapura dan Korea Selatan.
3. Memperkasakan pemasaran secara atas talian atau *online marketing* dengan mewujudkan portal pelancongan Johor dan media sosial seperti facebook, instagram serta twitter. Untuk makluman, kerajaan negeri juga di dalam rangka mewujudkan aplikasi telefon pintar pelancongan Johor atau *Tourism Johor mobile apps*.
4. Menggalakkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan nasional di negeri Johor dimana pada tahun ini kerajaan negeri bercadang menganjurkan 3 acara pelancongan baru iaitu Lady Bikers Tourism Ride 2018, Bangsa Johor Food and Art Festival 2018 dan Bangsa Johor Run 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

5. Memperluaskan penyebaran maklumat-maklumat pelancongan negeri Johor melalui penerbitan risalah pelancongan, kempen-kempen pengiklanan di majalah-majalah dan akhbar-akhbar utama di dalam serta diluar negara.
6. Mempelbagai produk pelancongan negeri Johor dengan menggalakkan kewujudan produk-produk pelancongan baru yang berimpak tinggi. Pada masa yang sama juga produk-produk pelancongan yang sedia ada akan terus dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa khususnya dari aspek infrastruktur serta kemudahan sokongan.
7. Memperbanyakkan pembangunan pakej pelancongan negeri Johor dimana pada tahun ini kerajaan negeri melalui Tourism Johor dengan kerjasama MATTA Johor dan Persatuan Pelancongan Muar akan menyediakan 100 pakej pelancongan baru untuk dipasarkan.
8. Menarik lebih banyak syarikat penerbangan domestik dan antarabangsa untuk beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Untuk makluman, ketika ini terdapat 11 laluan penerbangan domestik dan 6 laluan penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai iaitu dari Surabaya (Indonesia), Jakarta (Indonesia), Ho Chi Minh (Vietnam), Bangkok (Thailand), Guangzhou (China) dan Incheon (Korea Selatan).
9. Meningkatkan pembangunan modal insan di dalam industri dengan menganjurkan kursus atau latihan bukan sahaja kepada penggiat-penggiat industri pelancongan tetapi juga kepada rakyat negeri Johor secara amnya. Ini bertujuan bagi membantu meningkatkan kesedaran dan mutu perkhidmatan serta mewujudkan budaya mesra pelancong atau *tourist friendly* dikalangan rakyat negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 15 (A104)**

Apakah implikasi dari segi 'Teritorial Area' akibat daripada keputusan untuk tidak lagi meneruskan rayuan terdapat pemilikan Batu Putih?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sekiranya Kerajaan Malaysia meneruskan tuntutan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Malaysia memenangi kes tersebut bermakna pihak Singapura tidak boleh menuntut hak ke atas Territorial Sea atau Laut Wilayah dengan tuntutan maksimum 12 batu nautika dari garis pangkal (base line). Namun sekiranya Malaysia menerima keputusan ICJ yang lepas tanpa membuat rayuan, maka mengikut takrif berdasarkan UNCLOS sebagai batu (ROCK) maka Singapura layak menuntut Wilayah Malaysia yang berhampiran dengan Batu Putih seperti Peta Baru Malaysia 1979 akan terjejas oleh tuntutan pihak Singapura. Walaubagaimanapun, Malaysia dan Singapura perlu membuat perbincangan dan persetujuan bagi menetapkan garis sempadan maritim yang baru.

Memandang ia melibatkan dasar keselamatan Negara, perkara ini perlu dirujuk kepada Kementerian Luar Negara, Pejabat Peguam Negara dan Majlis Keselamatan Negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 16 (A29)**

Demi kepentingan kedaulatan negara, apakah status rundingan kerajaan dengan kerajaan Singapura tentang sempadan Maritime Tubir Selatan (South Ledge)?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

YB telah bertanyakan status rayuan diatas keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berkaitan keputusan pada tahun 2008 melibatkan kedaulatan Pedra Branca/ Pulau Batu Putih kepada Singapura.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa konsisten dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan kedaulatan Pulau Batu Putih.

Pulau Batu Putih menjadi konflik dalam isu pertindihan wilayah perairan Malaysia dan Singapura sejak dulu lagi.

Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2018 memihak kepada Singapura. Walaupun isu jarak perairan antara batu putih dan Johor lebih hampir, namun pihak ICJ telah meneliti dari aspek yang lain.

Walaubagaimanapun rundingan rayuan semula tuntutan ke atas Pulau Batu Putih dan Tubir Selatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Johor sentiasa menyokong segala keputusan Kerajan Persekutuan mengenai tuntutan pulau tersebut. Kerajaan Pusat telah meneliti secara mendalam sekiranya mengambil keputusan untuk tidak meneruskan rayuan terhadap keputusan ICJ.

Rundingan kerajaan Malaysia bersama kerajaan Singapura mengenai sempadan Maritim Tubir Selatan (South Ledge) masih dalam tindakan kementerian Luar Negara dan Pejabat Peguam Negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 17 (A78)

Apakah kerajaan negeri akan meneruskan tuntutan terhadap isu Batu Putih?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

YB telah bertanyakan status rayuan diatas keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berkaitan keputusan pada tahun 2008 melibatkan kedaulatan Pedra Branca/ Pulau Batu Putih kepada Singapura.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa konsisten dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan kedaulatan Pulau Batu Putih.

Pulau Batu Putih menjadi konflik dalam isu pertindihan wilayah perairan Malaysia dan Singapura sejak dulu lagi.

Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2018 memihak kepada Singapura. Walaupun isu jarak perairan antara batu putih dan Johor lebih hampir, namun pihak ICJ telah meneliti dari aspek yang lain.

Walaubagaimanapun rundingan rayuan semula tuntutan ke atas Pulau Batu Putih dan Tubir Selatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Johor sentiasa menyokong segala keputusan Kerajan Persekutuan mengenai tuntutan pulau tersebut. Kerajaan Pusat telah meneliti secara mendalam sekiranya mengambil keputusan untuk tidak meneruskan rayuan terhadap keputusan ICJ.

Rundingan kerajaan Malaysia bersama kerajaan Singapura mengenai sempadan Maritim Tubir Selatan (South Ledge) masih dalam tindakan kementerian Luar Negara dan Pejabat Peguam Negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 18 (A97)

Minta dinyatakan apakah sebab dan alasan Kerajaan Pusat yang dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri atas keputusan untuk tidak meneruskan rayuan terhadap tuntutan kes Pedra Branca.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

YB telah bertanya status rayuan diatas keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berkaitan keputusan pada tahun 2008 melibatkan kedaulatan Pedra Branca/ Pulau Batu Putih kepada Singapura.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa konsisten dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan kedaulatan Pulau Batu Putih.

Pulau Batu Putih menjadi konflik dalam isu pertindihan wilayah perairan Malaysia dan Singapura sejak dulu lagi.

Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2018 memihak kepada Singapura. Walaupun isu jarak perairan antara batu putih dan Johor lebih hampir, namun pihak ICJ telah meneliti dari aspek yang lain.

Walaubagaimanapun rundingan rayuan semula tuntutan ke atas Pulau Batu Putih dan Tubir Selatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Johor sentiasa menyokong segala keputusan Kerajaan Persekutuan mengenai tuntutan pulau tersebut. Kerajaan Pusat telah meneliti secara mendalam sekiranya mengambil keputusan untuk tidak meneruskan rayuan terhadap keputusan ICJ.

Rundingan kerajaan Malaysia bersama kerajaan Singapura mengenai sempadan Maritim Tubir Selatan (South Ledge) masih dalam tindakan Kementerian Luar Negara dan Pejabat Peguam Negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN YSAHRUDIN BIN HAJI KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 19 (A128)**

Nyatakan statistik dan punca kemalangan yang berlaku di jalan raya Yong Peng – Bakri di musim perayaan pada tahun 2018 serta langkah awalan yang di buat.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terdapat 38 kes kemalangan jalan raya telah berlaku di Jalan Yong Peng – Bakri pada musim perayaan yang lepas. Kesalahan-kesalahannya adalah seperti langgar belakang sebanyak 17 kes, keluar simpang sebanyak 5 kes, ubah laluan sebanyak 5 kes, ubah laluan sebanyak 3 kes dan lain-lain sebanyak 8 kes.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan mendapati sikap dan kecuaiannya pemandu merupakan faktor utama berlakunya kemalangan. Antara lain-lain punca kemalangan adalah sepertimana berikut :-

- a) Kegagalan mengawal kenderaan ketika melalui atau menghampiri selekoh.
- b) Tidak ikut arah tapak dengan betul dan kurang memberi tumpuan terhadap keadaan jalan/ pergerakan kenderaan kiri/kanan ketika masuk/keluar simpang.
- c) Memandu dalam keadaan melulu dan tidak bertimbang rasa.
- d) Kurang memberi tumpuan/fokus apabila melalui kawasan yang berisiko merbahaya.

Langkah-langkah awalan yang telah dijalankan seperti berikut:-

- a) PDRM Johor menerusi Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) masih mengekalkan pelaksanaan konsep sub-tek sepanjang musim perayaan yang lepas. Subtek ini diwujudkan bagi memberi fokus kepada tindakan penguatkuasaan dalam membantu daerah yang mempunyai kadar kemalangan yang tinggi. Pendekatan “*total enforcement*” dan “OP Lancar” turut dilaksanakan sepanjang OP Selamat.
- b) Pendekatan “*local advocacy before enforcing*” juga dijalankan dengan memberi surat peringatan dan flyers kempen keselamatan jalan raya diedarkan kepada komuniti melalui ceramah-ceramah dan kempen-kempen keselamatan jalanraya.

Kemalangan jalan raya adalah sesuatu yang sukar untuk diramalkan terutamanya di musim perayaan, di mana keadaan jalan-jalan utama dan lebuh raya lebih sesak berbanding hari-hari biasa. Oleh yang demikian, setiap pengguna jalan raya seharusnya mengutamakan keselamatan, serta sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 20 (A121)

Adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan sebuah Balai Polis Daerah Pengerang tersendiri di mana ianya akan diketuai oleh seorang Ketua Polis Daerah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengemukakan cadangan pengwujudan IPD Pengerang pada tahun 2017. Perjawatan telah diluluskan oleh Jabatan Pkhidmatan Awam (JPA) dan berkuatkuasa pada tahun 2019/2020 dengan sejumlah 216 pegawai/anggota (kategori 'B') dimana Ketua Polis Daerah akan diketuai berpangkat Superintendan Polis (SUPT).

Untuk pengetahuan, PDRM kini dalam proses mewujudkan sebuah ibu pejabat polis daerah di daerah Pengerang. Kini masih didalam mengenalpasti kawasan yang bersesuaian bagi tujuan berkenaan. Walau bagaimanapun, satu kawasan tanah Lot PTB 1108 Mukim Tanjung. Yang dikenalpasti berstatus tanah kerajaan seluas 23968 ekar dipersetujui. Bagi pengambilan tanah tersebut bagi tujuan pembinaan Ibu Pejabat Daerah Polis Pengerang. Bagi tujuan pengambilan tanah ini telah dimajukan ke bahagian pembangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Putrajaya.

Pembangunan akan bermula setelah peruntukan diperolehi / diluluskan oleh kerajaan Pusat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 OGOS 2018**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 21 (A109)**

Penduduk Kulai mempunyai lebih 200,000 orang penduduk. Saya dapati hanya 12 orang anggota Polis Trafik sahaja yang bertugas mengawal lalu lintas. Jadi, bagaimana pihak PDRM menguruskan atau mengatur tugas Polis Trafik di kawasan Kulai?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Statistik Perjawatan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (BSPT) Daerah Kulai.

Perkara	Perjawatan	Kekuatan	Beza
Pegawai	6	6	0
Pegawai pangkat rendah	39	38	-1
Peg. awam	5	5	0
Jumlah keseluruhan	50	49	-1

Pengaturan Tugas BSPTD Kulai.

Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) dan BSPTD Kulai khususnya boleh dipecahkan kepada (5) elemen utama iaitu:-

- i. KePOLISan Am (Pentadbiran) : 6
- ii. Siasatan/Perundangan : 21
- iii. Penguatkuasaan : 8
- iv. Kawasan lalulintas : 6
- v. Penurusan Saman : 8

Berdasarkan jumlah kekuatan yang ada di BSPTD Kulai didapati masih belum dapat menampung bebanan tugas yang kini meningkat. Namun BSPTD Kulai tetap berusaha dalam membuat pengagihan tugas, dengan jumlah kekuatan yang ada mengikut kepentingan tugas.